

USIM anjur Program Khatan Perdana

Bagi mendekati golongan kurang berkemampuan, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mengadakan Program Khatan Perdana dan pemeriksaan kesihatan di Taman Bukti Ampangan, di sini, kelmarin.

Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa USIM Profesor Dr Zulkepli Abd Ghani berkata, seramai 45 kakitangan termasuk enam pegawai perubatan dari universiti itu menjayakan

program berkenaan.

Katanya, pihaknya turut menerima kerjasama Pertubuhan Kebajikan Islam dan Khairat Kematian Taman Bukti.

"Program ini memberi peluang kepada kanak-kanak berkhatan secara percuma manakala penduduk pula diberi pemeriksaan kesihatan dengan dikenakan potongan bayaran.

"Untuk memeriksa tahap kesihatan, mereka dikehendaki membayar

RM70 berbanding RM180 di klinik swasta," katanya ketika ditemui.

Program dirasmikan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Ampangan Datuk Abu Ubaidah Mohd Redza. Hadir sama, Timbalan Dekan Fakulti Perubatan USIM Dr Mohd Dzulkairi Mohd Rani.

Dr Zulkepli berkata, perkhidmatan lain dianjurkan adalah ceramah motivasi kepada golongan muda dan pertandingan mewarna.